

Headline	Jaga kepentingan semua pihak dalam PPA		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	14 Jul 2016	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Dlm Negeri	Page No	6
ArticleSize	152 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 9,096		



Jaga kepentingan semua pihak dalam PPA

KUALA LUMPUR 13 Julai - Tenaga Nasional Berhad (TNB) dipercayai mempunyai penjelasan tersendiri bagi memilih proses perundangan dalam isu Perjanjian Pembelian Tenaga (PPA) dengan YTL Power International Bhd. (YTL Power).

Difahamkan, syarikat utiliti tersebut mahu memastikan terma-terma yang terkandung dalam PPA itu benar-benar menjaga kepentingan semua pihak.

Salah satu terma yang diberi perhatian oleh TNB adalah hak milik tanah yang menempatkan stesen-stesen janakuasa elektrik yang dikendalikan YTL Power.

Difahamkan, TNB mahu klausa yang menyatakan lot-lot tanah terbabit masih milik syarikat utiliti berkenaan dinyatakan secara jelas dalam perjanjian baharu itu.

Turut difahamkan, TNB berharap konsep atau bayar seperti yang terkandung dalam PPA terdahulu dikaji semula.

Di bawah konsep tersebut, TNB dikehendaki membeli tenaga daripada penjana tenaga bebas (IPP) walaupun syarikat berkenaan tidak memerlukan keseluruhan tenaga tersebut.

Malah, dalam proses bidaan baru-baru ini, TNB meletakkan syarat supaya tanah miliknya diserahkan semula mengikut syarat terdahulu sebaik sahaja lesen penjanaan YTL tamat pada 2018.

TNB dalam kenyataan kepada Bursa Malaysia baru-baru ini menyatakan, syarikat utiliti itu sedang mengkaji untuk memulakan proses perundangan bagi membatalkan arahan Suruhanjaya Tenaga serta Kementerian Tenaga,

Teknologi Hijau dan Air untuk meneruskan PPA dengan YTL Power.

Di dalam PPA itu, TNB akan membeli bekalan tenaga elektrik daripada YTL Power Generation yang dimiliki oleh YTL Power International melalui stesen janakuasa berkapasiti 800 megawatt (mW) di Paka, Terengganu.

Pada tahun lalu, YTL Power telah dianugerahkan lanjutan kontrak pembekalan selama dua tahun untuk menjual tenaga kepada TNB menerusi satu PPA.

Walau bagaimanapun, PPA tersebut masih belum ditandatangani ekoran berlakunya pertikaian tanah antara TNB dan YTL Power.

Tanah di Paka tersebut adalah milik TNB tetapi disewakan kepada YTL mengikut PPA yang telah ditandatangani sebelum itu.